

17 AUG 2003

MAHATHIR-DIALOG/I

DR MAHATHIR DAN PRESIDEN MOZAMBIQUE TERPILIH MENJADI JURUCAKAP NEGARA MEMBANGUN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 17 Ogos (Bernama) - Bagi mengenangkan ketokohnya di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama pengerusi Kesatuan Afrika Presiden Joachim Chissano dari Mozambique, dipilih oleh ketua-ketua kerajaan selatan Afrika untuk menjadi jurucakap negara-negara membangun mengenai isu-isu yang penting di dalam forum antarabangsa.

Tanggungjawab segera yang akan dilakukan oleh Dr Mahathir ialah memberikan pandangan dan kepentingan negara-negara membangun kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang beribu pejabat di Geneva sebelum mesyuarat peringkat menteri di Cancun, Mexico, yang bermula pada 10 Sept supaya suara mereka akan didengari sebagai satu kumpulan dan tidak diketepikan jika negara-negara itu menyuarakannya secara sendirian.

Raja Mswati III, yang menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003 yang berakhir di sini pada hari Sabtu menyatakan kepada lapan ketua kerajaan yang lain bahawa Dr Mahathir akan menyuarakan kepentingan negara-negara membangun bagi menghadapi tindakan negara-negara maju yang mengenyahkan kepentingan perdagangan mereka.

Satu lagi perkembangan daripada dialog tiga hari itu ialah Dr Mahathir di anugerahi "Fellow Emeritus" Perkongsian Komanwel bagi Pembangunan Teknologi (CPTM) ekoran persaraannya, yang disambut baik para pemimpin Afrika berkenaan.

Mereka melihat beliau sebagai penggerak utama disebalik dialog perkongsian pintar dan akan terus mendapatkan sumbangan berharga daripadanya selepas beliau bersara sebagai Perdana Menteri.

Para pemimpin itu turut memutuskan Zambia dipilih sementara untuk menjadi tuan rumah dialog perkongsian pintar akan datang.

Selain Dr Mahathir, ketua-ketua kerajaan yang menghadiri dialog itu terdiri daripada Botswana, Mozambique, Afrika Selatan, Namibia, Uganda, Swaziland dan Zimbabwe. Dr Mahathir adalah juga pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkuacuali.

Mengulas perlintikannya untuk melaksanakan tanggungjawab itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan mengemukakan "Kenyataan Ezulwini mengenai Regim Adil dalam Perdagangan Global melalui Dialog Perkongsian Pintar kerana tindakan negara luar memberi impak kepada pembangunan dan kemajuan mereka.

"Kami akan memberi pandangan kami sebagai satu kumpulan," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir dialog tiga hari itu.

Para pemimpin yang berada di sini berkata adalah penting bagi perkongsian itu untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai WTO, khususnya mengenai kemungkinan hasil mesyuarat peringkat menteri WTO kelima di Cancun.

"Secara sendirian, negara-negara ini tidak berupaya melakukannya kerana kebanyakannya bergantung kepada agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa serta pasaran Amerika Syarikat bagi produk masing-masing seperti tekstil. Dengan itu mereka menghadapi masalah untuk berhadapan dengan negara-negara maju secara bersendirian," kata Dr Mahathir yang kemudiannya berlepas ke Damsyik di Syria pada malam Sabtu. --

Satu isu yang penting yang akan dibawa kepada perhatian WTO oleh negara-negara membangun ialah untuk meminta negara-negara maju membuka pasaran mereka sepenuhnya bagi barang-barang dan perkhidmatan daripada negara-negara membangun jika mereka diharap menyertai langkah

meliberalisasikan perdagangan.

Kenyataan Ezulwini itu turut menyatakan bahawa subsidi eksport dan sokongan domestik kepada para petani yang disertakan pengenaan tarif yang melambung tinggi, memberi impak negatif bukan sahaja kepada langkah mengurangkan kemiskinan malah kepada pembangunan dan perindustrian negara-negara membangun.

Para pemimpin itu juga berkata bahawa "tiada negara boleh melaksanakan dan mengenakan dasar perlindungan serta sekatan bukan tarif yang diskriminatori dan perdagangan hendaklah dipisahkan sepenuhnya daripada isu-isu bukan perdagangan seperti demokrasi, hak kemanusiaan, amalan buruh dan alam sekitar kerana isu-isu itu boleh dibincangkan di forum yang lain.

Dalam masa yang sama, mereka berkata, Hak Harta Intelek (IPR) tidak boleh dikenakan sama rata antara negara-negara yang berbeza peringkat pembangunannya manakala faktor sosial (kesihatan) perlu diberi pertimbangan penuh ketika mengambilkira pengenaan IPR.

Juga, "Pusingan Pembangunan" WTO perlu memberi penekanan kepada pembangunan dan syarat-syarat perdagangan sepatutnya mempromosikan dan tidak diketepikan daripada pembangunan.

"Mesti ada kemajuan mengenai Layanan Khas dan Berbeza," kata pemimpin itu.

Mereka turut mengesahkan pandangan masing-masing bahawa perundingan dalam WTO mestilah dilakukan secara demokrasi dan keputusan oleh kumpulan istimewa yang kecil hendaklah disifatkan tidak mengikat pihak yang lain.

"Isu-isu baru tidak boleh ditimbulkan sehingga satu rumusan yang memuaskan dicapai pada agenda sedia ada," kata mereka.

Para pemimpin itu juga berkata, mereka mempercayai peranan WTO untuk berlaku adil dan perdagangan mengikut peraturan, tetapi keputusan badan perdagangan itu hendaklah turut mengambil kira pandangan negara-negara miskin dan kaya.

"Kami menekankan dilakukan kewajaran dan keadilan dalam perdagangan dunia kepada semua pihak," kata mereka dalam kenyataan mereka. - BERNAMA

MR SHY AHM